

PERLUASAN KONSEP *MARIGA* : ANALISIS TEORI SEMANTIK RANAH

(Expanding the Concept of Mariga: A Frame Semantics Theory Approach)

Effendy Yusuff

ffendyyusuff@yahoo.com.my

Institut Pendidikan Guru Kampus Tawau

Anida Sarudin*

anida@fbk.upsi.edu.my

Muhamad Fadzllah Zaini

muhamadfadzllahhjzaini@gmail.com

Husna Faredza Mohamed Redzwan

husna.faredza@fbk.upsi.edu.my

Zulkifli Osman

zulkifli@fbk.upsi.edu.my

Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Pendidikan Sultan Idris.

Pengarang koresponden (*Corresponding author*): *

Rujukan artikel ini (*To cite this article*): Effendy Yusuff, Anida Sarudin, Muhamad Fadzllah Zaini., Husna Faredza Mohamed Redwan & Zulkifli Osman (2021). Perluasan konsep *mariga*: Analisis Teori Semantik Ranah. *Jurnal Bahasa*, 21(1), 105–128. [http://doi.org.10.37052/jb21\(1\)no6](http://doi.org.10.37052/jb21(1)no6)

Peroleh: Received:	26/1/2021	Semakan: Revised	4/3/2021	Terima: Accepted:	3/5/2021	Terbit dalam talian: Published online:	1/6/2021
-----------------------	-----------	---------------------	----------	----------------------	----------	---	----------

Abstrak

Penyelidikan ini dilaksanakan untuk mengkaji hubungan penggunaan leksis sukuan peribumi Sabah dalam Korpus Novel Bahasa Sukuan (KNBS). Hubungan penggunaan leksis ini bukanlah sewenang-wenangnya tetapi dimotivasikan oleh sistem kognitif manusia. Sumber data yang dimanfaatkan ialah KNBS yang dibangunkan menerusi

peranti AntConc 4.2.3w. Data korpus tersebut terdiri daripada enam buah novel yang berlatarkan masyarakat peribumi Sabah, iaitu novel *Bagaton* dan *Mariga* karya Amil Jaya, manakala novel *Dukanya Abadi*, *Kukui*, *Dari dalam Cermin*, dan *Debur Menerpa* merupakan hasil karya Azmah Nordin. Sebanyak 465 lexis sukuan telah dikenal pasti digunakan dalam data korpus. Berdasarkan kekerapan tersebut, penggunaan lexis sukuan *mariga* muncul sebanyak 42 kali. Hal ini dapat mencitrakan budaya masyarakat penutur dalam data yang dikaji. Analisis dijalankan menggunakan teori Semantik Ranah yang dipelopori oleh Fillmore (1982). Dapatan kajian menunjukkan bahawa lexis sukuan *mariga* memiliki latar dan motivasi yang mengikat hubungan antara lexis bahasa Melayu. Pengkalan lexis sukuan *mariga* dalam KNBS dapat menjelaskan wujudnya motivasi, potensi dan reputasi lexis sukuan *mariga*.

Kata kunci: Lexis, bahasa sukuan, *mariga*, teori Semantik Ranah, novel

Abstract

This research was conducted to study the co-occurrence of Sabah's tribal language lexis usage in Corpus "Novel Bahasa Sukuan" (KBNS). This lexis co-occurrence is not arbitrary, on the other hand there is actually a system that binds or controls it. The source of the data was derived from the KNBS data which was developed by the researchers using AntConc 4.2.3w device. The corpus data contains of six novels which narratively crafted based on the background of the indigenous people of Sabah. The novels were the Bagaton and Mariga written by Amil Jaya, whilst the novels entitled Dukanya Abadi, Kukui, Dari dalam Cermin, and Debur Menerpa were written by Azmah Nordin. A total of 465 lexis of tribal language have been identified and evidently used in conjunction with the KNBS data. Based on these figures, the frequency of lexis mariga in the tribal language is 42. The analysis was carried out using Frame Semantics Theory which was pioneered by Charles Fillmore (1982). The initial results of the study show that the co-occurrence of the lexis mariga existed and were bound with the existence of Sabah's tribal language. To conclude, the research findings shall be able to explain the function of the mariga lexis and its motivation and potential usage within the context of the Sabah tribal language.

Keywords: Lexis, tribal language, Frame Semantic theory, novel

PENDAHULUAN

Makalah ini merupakan satu kajian leksikal sukuan, iaitu leksis *mariga* merupakan leksikal etnik Murut di Sabah. Kajian ini menggunakan data Korpus Novel Bahasa Sukuan (KNBS) yang mengandungi leksis *mariga*. Penganalisisan data dengan memanfaatkan karya ini dianggap relevan sebagai penjelasan terperinci tentang leksis bahasa sukuan dalam KNBS. Berpandukan pendekatan analisis Semantik Ranah untuk menyelidik setiap kehadiran leksis bahasa sukuan dianggap tepat untuk membantu memahami konsep tertentu secara sistem konsep. Pendekatan ini bersesuaian dengan pandangan Fillmore yang menjelaskan bahawa setiap perkataan boleh diterangkan berdasarkan maklumat konseptual sedia ada dan yang berkaitan dengan ranah latar yang terlibat (Fillmore, 1982).

Fillmore dan Baker (2001) menjelaskan bahawa gabungan antara unit leksikal yang bermotivasi akan menerbitkan elemen ranah. Elemen ranah pula akan bergabung untuk membentuk ranah, kemudian antara ranah pula akan berpadu untuk menerbitkan ranah. Proses ini berterusan sehinggalah terbit makna ranah yang utama. Gambaran ini menunjukkan bahawa suatu makna tersebut terbentuk oleh beberapa lapisan ranah. Sehubungan itu, proses penerbitan ranah amat penting dilakukan untuk melihat gabungan antara unit leksis yang membentuk elemen ranah dan gabungan elemen ranah yang membentuk ranah. Fillmore dan Petruck (2003) berpendapat bahawa elemen ranah direalisasikan secara leksis ataupun ayat pada tahap struktur permukaan. Elemen ranah dapat melengkapkan makna secara terperinci dalam struktur ayat tersebut. Dengan mengambil pernyataan ini, dapat disimpulkan bahawa Semantik Ranah merupakan penaakulan skematik berkaitan dengan struktur konseptual, yang melibatkan kepercayaan, amalan, institusi dan imej sebagai asas pemaknaan dalam interaksi antara satu sama lain. Oleh itu, setiap leksis yang terdapat dalam kumpulan tertentu turut terkandung di dalamnya suatu sistem konsep yang mewakili latar sesebuah masyarakat.

MARIGA

Mariga ialah suatu budaya yang diamalkan oleh etnik Murut di Sabah sebelum era kemerdekaan lagi. Definisi *mariga* bermaksud mengambil harta menantu lelaki sesuka hati tanpa kebenaran. Tujuannya adalah untuk mengeratkan hubungan tali persaudaraan dan ikatan kekeluargaan sesama mereka. Konsep *mariga* ialah ikatan yang telah dipersetujui oleh pihak keluarga lelaki dan keluarga perempuan semasa majlis pertunangan.

Sering kali juga *mariga* ini dirujuk dengan nama *barian* sampai mati dalam masyarakat Murut. *Barian* biasanya terdiri daripada sesuatu yang berharga seperti harta benda, wang, emas, dan perak (Woolley, 2004). Dalam pengertian budaya Melayu, *barian* ibarat mas kahwin ataupun barang-barang hantaran semasa majlis perkahwinan berlangsung. Pelaksanaan pemberian *mariga* sebagai pengesahan setelah berlakunya perkahwinan antara lelaki dan wanita. Sehubungan itu, *mariga* merupakan barang-barang atau mas kahwin yang dituntut oleh keluarga pihak perempuan kepada keluarga pihak lelaki dari mula ikatan perkahwinan sehingga ke akhir hayat dengan memberikan barangan seperti tajau, kain sarung, emas, gong ataupun kewangan. Kesemua pencirian konsep *mariga* mencetuskan persoalan dalam kajian ini, iaitu sejauh manakah pengekalannya makna leksis *mariga* dimanfaatkan dalam budaya masyarakat Murut di Sabah. Hasil carian daripada data korpus, artikel ini mendapati bahawa telah berlaku transformasi adat dan budaya masyarakat Murut, iaitu konsep leksis *mariga* telah meluas kepada ranah AMALAN dan ASET. Hal ini dibincangkan dalam subtopik Maklumat Konseptual Leksis Mariga.

KAJIAN LITERATUR

Kajian dan perbincangan pemikiran masyarakat sering kali dilakukan dalam ruang lingkup ilmu antropologi, sosiologi, falsafah, sastera dan budaya. Dalam hal ini, disiplin semantik dijadikan sandaran utama untuk menyelami fenomena bahasa khususnya leksis sebagai manifestasi pemikiran masyarakat dengan lebih komprehensif. Pandangan permasalahan dan perbincangan yang dilontarkan oleh para pengkaji terdahulu memberikan panduan kepada penyelidik untuk melakukan penyelidikan yang lebih bermakna dalam usaha menjelaskan gelagat leksis yang mencerminkan pandangan dunia masyarakat. Input tersebut amat bermakna kepada penyelidik untuk menelusuri dan menyelongkar dengan lebih mendalam lagi tentang kewujudan bentuk-bentuk leksis dalam data korpus. Di samping itu, kajian ini merupakan nilai tambah dalam dunia keilmuan yang boleh menjadi panduan untuk kajian-kajian yang akan datang.

Kajian representasi akal budi telah diteliti oleh Hajar (2005), Intan Safinaz dan Nor Zakiah (2008), Bahren Umar (2010), Saidatul Normis dan Mohd. Rasdi (2013), Junaini dan Nor Hashimah (2015, 2018), Muhammad Zaid (2018), Muhammad Zaid dan Mary Fatimah (2018, 2019). Kajian mereka memaparkan ketinggian akal budi bangsa yang diinterpretasi menerusi bahasa sebagai fokus kajian. Kajian ini membincangkan

sejauh mana hubungan antara bahasa dengan pemikiran atau pandangan dunia masyarakat penuturnya. Kajian tersebut membuktikan bahawa wujud saling kait antara pemilihan leksis dengan alam yang melatari kehidupan. Pemerhatian terhadap alam mendorong representasi idea dengan pemakaian kosa kata yang tepat. Hal ini menunjukkan ketinggian akal budi yang dimiliki oleh setiap ahli pendukungnya. Kajian ini menjadi sumber pengetahuan kepada penyelidik, seterusnya meneroka pemikiran masyarakat khususnya mekanisme yang berlaku dalam pemikiran masyarakat tersebut. Dengan merujuk permasalahan yang ditimbulkan oleh para pengkaji terdahulu, maka didapati bahawa terdapat penjelasan secara berpada bahawa wujudnya hubungan antara akal budi masyarakat penutur dengan butiran kata yang diungkapkan. Pemerian data yang diberikan dapat membuktikan bahawa terdapat hubungan antara bahasa dan pemikiran dengan memberikan contoh beberapa perkataan yang mencerminkan ketinggian intelek penutur. Oleh itu, melalui penyelidikan ini, pemerian dengan menggunakan semantik kognitif, khususnya menerusi pendekatan Semantik Ranah, bagi menjelaskan mekanisme yang berlaku terhadap pemilihan sesuatu leksis akan diuraikan.

Seterusnya, kajian yang menggunakan pendekatan berteori amat perlu untuk menjelaskan hubungan antara bahasa dengan pemikiran masyarakat. Kajian yang dilakukan bersandarkan Teori Semantik Kognitif dilihat dapat merungkaikan dan memberikan justifikasi proses linguistik yang berlaku. Gambaran secara pemetaan berkenaan dengan mekanisme yang berlangsung dalam penghasilan setiap leksis dapat diujahkan dan dibuktikan. Penjelasan secara berteori, khususnya proses yang melibatkan pemikiran penutur untuk mengungkapkan setiap perkataan telah menarik minat para pengkaji terdahulu. Dalam hal ini, Teori Semantik Kognitif digunakan untuk memerihalkan fenomena bahasa yang berlaku. Sehubungan itu, sejauh mana perkataan dapat menggambarkan pemikiran masyarakatnya menjadi persoalan yang perlu dirungkaikan. Asmah (1994), Stubbs (1996), Hajar (2005), Nor Hashimah (2014) Junaini, Nor Hashimah dan Wan Norashikin (2016) dan Muhammad Zaid (2018), Tangaprabu Murthy dan Mary Fatimah (2018), menyatakan bahawa leksis sebagai salah satu unsur bahasa boleh dijadikan cerminan untuk meneropong pandangan dunia penuturnya.

Kajian tersebut berbentuk pemerian proses kognitif yang berlaku dalam pentafsiran makna yang didukung oleh sesuatu leksis dalam konteks. Secara umumnya, kajian tersebut mendapati bahawa pelahiran setiap leksis berlaku secara operasi mental yang dikawal oleh satu sistem secara

teratur. Penjelasan tentang perilaku leksis dilakukan dengan menggunakan pendekatan atau teori yang mendasarinya. Sehubungan itu, ilmu semantik kognitif telah digunakan untuk menjelaskan makna leksis dengan lebih sistematis dan berpeda. Para pengkaji yang terlibat termasuklah Khazriyati (2000a, 2000b, 2003, 2009), Salinah (2005), Imran Ho (2011), dan Zaitul Azma dan Ahmad Fuad (2011) Nur Afiqah dan Nor Hashimah (2015), Rusell Dundang dan Mary Fatimah (2018), Muhammad Zaid dan Mary Fatimah (2018, 2019), dan Junaini (2020). Sesungguhnya, kajian tersebut berjaya menjelaskan penggunaan leksis dengan lebih sistematis dan berpeda. Pemerian mekanisme kehadiran leksis dapat dijelaskan. Hal ini membuktikan lagi bahawa ilmu semantik kognitif berupaya untuk merungkai makna konsepsi yang didasari oleh latar budaya penutur. Oleh itu, leksis yang biasa digunakan dalam kehidupan harian masyarakat juga perlu dilaksanakan penelitiannya.

Dalam pada itu, kajian yang dilakukan oleh Norsimah (2000, 2002, 2009), Imran Ho (2000), Rusmadi (2005), Nor Hashimah dan Hawiyah (2007), Nor Hashimah dan Rozaimah (2008), Imran Ho dan Ruzy Suliza (2009), Hamidah *et al.* (2016, 2020) melihat peluasan makna leksis. Secara umumnya, kajian yang dijalankan ini membuktikan bahawa pendekatan secara berteori, khususnya pendekatan semantik kognitif telah berjaya memerihalkan pemilihan dan pewujudan setiap leksis berserta dengan mekanisme yang berlaku. Dengan menggunakan Teori Semantik Kognitif, fenomena peluasan ini dapat dijelaskan secara lebih praktikal. Data yang dianalisis juga diperoleh daripada korpus yang bermaksud bahawa data sebenar. Kajian menunjukkan bahawa penjelasan mekanisme kognitif digunakan untuk menganalisis data korpus. Usaha ini memberikan cara alternatif dalam penyusunan semula pendefinisian leksis secara fizikal dalam kamus agar lebih bersifat sistematis dan tersusun dengan mengambil kira data autentik. Beberapa data yang ditemui menunjukkan bahawa peluasan makna berlaku dipengaruhi juga oleh unsur konteks. Dalam hal ini, penjelasan dan perkaitan dengan nilai budaya perlu juga diberikan penelitian. Dengan kata lain, kajian membantu penyelidik untuk menilai sejauh manakah Teori Semantik Kognitif dapat diimplementasikan bagi memerihalkan suatu konsep yang dikongsi bersama oleh penuturnya.

Sementara itu, kajian oleh Rusmadi (2008), Intan Safinaz, Nor Hashimah dan Imran Ho (2012, 2014), Rusmadi, Nor Hashimah dan Imran Ho (2013) telah menggunakan pendekatan Semantik Ranah untuk menganalisis data yang dikaji. Secara umumnya, kajian yang telah dijalankan membuktikan bahawa pendekatan Semantik Ranah telah berjaya merungkai permasalahan

tentang makna sebenar setiap leksis berdasarkan konteks situasi. Penjelasan yang lebih tepat tentang makna yang bersinonim dan konteks budaya dapat diserlahkan menerusi pendekatan Semantik Ranah. Mekanisme pembentukan ranah yang mendukung konsep kesejagatan penutur berupaya dibuktikan.

Selanjutnya, kajian berkenaan dengan bahasa sukuan khususnya menggunakan disiplin semantik merupakan aspek yang perlu diberikan penekanan. Kajian yang berkaitan disiplin semantik bahasa sukuan, khususnya peribumi Sabah yang menyerlahkan budaya tempatan merupakan tumpuan dalam penelitian ini. Cerminan budaya menerusi kosa kata bahasa sukuan menyerlahkan makna sebenar setiap leksis tersebut. Hubungan makna dari dimensi linguistik dan budaya membolehkan gambaran pemikiran masyarakat penutur dapat diteroka. Kaedah atau proses masyarakat peribumi mempersepsikan sesuatu perkara menerusi jelmaan kosa kata perlu diperdalam. Secara umumnya, kajian tersebut membuktikan bahawa makna tentang budaya setempat lebih terserlah menerusi kosa kata bahasa sukuan. Sehubungan itu, kajian yang dilaksanakan oleh Saidatul Nornis (2006, 2007), Janathan (2012), Saidatul Nornis dan Mohd. Rasdi (2013), serta Julita (2014) telah merungkai dan memerihalkan keunikan dan keistimewaan bahasa peribumi. Bentuk-bentuk leksis bahasa sukuan yang terkod lebih mewakili latar dan konteks masyarakat pendukungnya. Ungkapan dan pemilihan kata lahir melalui persekitaran dan budaya setempat. Sesungguhnya kajian tersebut merupakan tambahan kepada koleksi ilmiah terhadap penerokaan khazanah bahasa sukuan yang begitu terhad bilangannya. Cetusan tentang pentingnya unsur budaya dalam sesuatu leksis itu dapat menyerlahkan lagi makna sebenar yang hendak diangkat dalam pemikiran masyarakat pendukungnya. Namun demikian, kajian yang dilakukan berfokus pada data korpus bahasa sukuan sahaja dan hujahan mekanisme semantik tentang kehadiran serta proses pemilihan leksis yang berlaku tidak disentuh dengan lebih terperinci. Sehubungan itu, penelitian yang mendalam terhadap operasi semantik yang berlaku dan sumber korpus yang berbeza merupakan pilihan dalam penyelidikan ini.

Bertitik tolak daripada permasalahan kajian lepas, kajian ini dicetuskan untuk mengembangkan lagi bidang keilmuan, khususnya pendekatan semantik untuk melihat akal budi penutur. Sehubungan itu, kajian ini meneroka mekanisme kognitif yang berlaku apabila leksis (leksis bahasa sukuan) yang terdapat dalam KNBS yang diyakini memmanifestasikan pemikiran pendukungnya. Hal ini ditambah lagi dengan data korpus yang menunjukkan pengekaln penggunaan leksis *mariga* dalam KNBS.

Objektif kajian ini adalah untuk menganalisis hubungan penggunaan leksis bahasa sukuan *mariga* dengan pemikiran masyarakat Murut di Sabah dan menghuraikan peluasan maknanya dalam KNBS dengan menggunakan pendekatan Semantik Ranah.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan kaedah kepustakaan dan analisis dokumen. Dokumen yang dianalisis ialah data KNBS. Data korpus tersebut diambil daripada enam buah novel yang bercitrakan masyarakat peribumi Borneo. Karya novel tersebut merupakan hasil garapan dua orang penulis, iaitu Amil Jaya dan Azmah Nordin. Karya yang ditulis oleh Amil Jaya ialah *Bagaton* (1979) dan *Mariga* (2012), manakala novel nukilan Azmah Nordin pula ialah *Dukanya Abad* (1988), *Kukui* (1990), *Dari Dalam Cermin* (1992a), dan *Debur Menerpa* (1992b). Pewajaran pemilihan karya kedua-dua penulis ini kerana kandungan novel yang berlatarbelakangkan masyarakat bahasa peribumi. Mereka juga merupakan penulis mapan yang telah memperoleh pelbagai anugerah pada peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Amil Jaya dikenali sebagai Bapa Kesusasteraan Sabah. Beliau telah menerima anugerah “S.E.A Write Award” pada tahun 1992. Azmah Nordin juga merupakan penerima anugerah “S.E.A Write Award” daripada kerajaan Thailand (Effendy *et al.* 2018).

Prosedur analisis kajian ini dilaksanakan menerusi beberapa fasa seperti fasa pembangunan korpus, fasa analisis deskriptif leksis serta fasa saringan leksis dan fasa deskriptif pemerian. Dalam fasa pembangunan korpus, kajian dimulakan dengan membina data KNBS yang terdiri daripada enam buah novel. Seterusnya, fasa analisis deskriptif melibatkan pengenalpastian leksis sukuan untuk melihat kekerapan penggunaan dalam korpus. Selepas itu, fasa saringan leksis dilakukan, iaitu melibatkan pemilihan leksis bagi tujuan analisis. Pada peringkat ini, saringan ditentukan berdasarkan 10 kekerapan leksis sukuan yang tertinggi. Fasa seterusnya melakukan deskriptif pemerian berdasarkan Teori Semantik Ranah bagi meneliti pemikiran masyarakat peribumi melalui ranah-ranah yang terhasil.

TEORI SEMANTIK RANAH

Pada tahun 1975, Fillmore telah mengemukakan idea berkenaan dengan *frame semantic* (semantic ranah). Beliau memperkenalkan konsep ranah sebagai sistem pemilihan linguistik (*system of linguistic choice*).

Menurutnya, setiap kata yang terpilih atas sebab sifat nahu didorong oleh situasi tertentu. Hubungan saling keterikatan ini yang didasari oleh pilihan linguistik berada dalam satu ruang tertentu yang dikenali sebagai ranah. Pada peringkat awal, ranah sering dirujuk sebagai kesatuan yang mempunyai sifat keterikatan berasaskan pengalaman skema yang cirinya saling berhubung kait. Pada tahun 1985, konsep tersebut telah mula berkembang sehingga tahun 1992 dengan perlahan-lahan menyerap masuk menjadi unsur kognitif (Ungerer & Schmid, 2006).

Konsep ini bermaksud bahawa ranah dapat mewakili suatu konsep makna secara keseluruhan yang terkandung dalamnya hubungan yang saling berkaitan. Atkins dan Rundell (2008) berpendapat bahawa hubungan keterikatan ini dijalin menerusi kewujudan ranah-ranah. Tonggak teori semantik ranah ialah ranah semantik berupa representasi latar dan motivasi yang memanifestasikan kata sebagai satu pilihan dalam korpus bahasa (Fillmore & Baker, 2010). Oleh itu, potensi gabungan sesuatu item leksis berasaskan representasi lahiriah sesuatu elemen ranah dalam bentuk ayat mahu pun perkataan dapat diserlahkan. Struktur pengetahuan ialah latar yang menyepadukan kewujudan setiap item leksis dan frasa lalu diserlahkan menerusi kehadiran ranah yang bertujuan untuk memahami sesuatu makna leksis yang hadir dalam ayat. Charles Fillmore (1982) menjelaskan bahawa kewujudan ranah didukungi oleh kehadiran elemen-elemen ranah. Keterwujudan leksis untuk membawa konsep adalah berasaskan seberkas pengetahuan secara sistematik berpandukan prinsip tertentu. Sehubungan itu, prinsip teori ini menekankan bahawa seseorang perlu memahami elemen yang mengambil peranan dalam penyediaan latar dan motivasi kepada kategori kata yang direpresentasikan oleh perkataan sebelum memahami makna salah satu daripada kata.

RASIONAL PENGGUNAAN DATA KORPUS

Masalah dalam disiplin linguistik seperti semantik, sintaksis dan pragmatik dapat dideskripsikan menggunakan pendekatan kognitif dengan melihat data korpus (McEnery & Wilson, 2001). Data korpus menjadi sumber kajian bahasa yang merubah ideologi disebabkan lebih sah dan empirikal. Pemanipulasian data korpus dengan memanfaatkan bidang teknologi menunjukkan kemajuan apabila pemprosesan maklumat menjadi lebih mudah, cepat dan sistematik. Oleh itu, kajian ini memanfaatkan sumber korpus berasaskan novel bahasa Melayu. Berdasarkan analisis yang dijalankan didapati terdapat sebanyak 14 945 jenis kata yang telah

Jadual 1 Taburan KNBS.

Bil	Novel	Token	Types
1	Bagaton	33 449	480
2	Mariga	80 233	7433
3	Dari dalam Cermin	33 785	5339
4	Debur Menerpa	36 915	5453
5	Kukui	28 287	4265
6	Dukanya Abadi	35 532	5397
7	Jumlah Keseluruhan	248 201	14 945

Jadual 2 Kekerapan lexis sukuan dalam KNBS.

Bil	Perkataan Sukuan	Terjemahan dalam Bahasa Melayu	*Bentuk	*Golongan Kata	Frekuensi
1	Bagaton	<i>Merupakan tempayan/tajau keranda yang dijadikan tempat persembadian bagi masyarakat Murut pada zaman dahulu</i>	<i>Tunggal</i>	<i>KN</i>	130
2	Lansaran	<i>Pentas yang diperbuat daripada buluh yang membolehkan penari-penari melompat dan meonjak-lonjak (Murut)</i>	<i>Tunggal</i>	<i>KN</i>	106
3	Mariga	<i>Mas kahwin/berian bagi masyarakat Murut</i>	<i>Tunggal</i>	<i>KN</i>	42
4	Singkowoton	<i>Sesuatu yang berharga kepada seseorang (Murut)</i>	<i>Tunggal</i>	<i>KN</i>	41
5	Gurib	<i>Sejenis senjata</i>	<i>Tunggal</i>	<i>KN</i>	37
6	Kinoringan	<i>Tuhan Pencipta (Kadazandusun)</i>	<i>Tunggal</i>	<i>KN</i>	33
7	Lumansar	<i>Menari atas lansaran (Murut)</i>	<i>Tunggal</i>	<i>KK</i>	25
8	Bahar	<i>Tuak (Kdazandusun)</i>	<i>Tunggal</i>	<i>KN</i>	24
9	Ragon	<i>Rogon/hantu (Kadazandusun)</i>	<i>Tunggal</i>	<i>KN</i>	19
10	Nyai	<i>gundik</i>	<i>Tunggal</i>	<i>KN</i>	18

digunakan dalam data korpus berbanding dengan jumlah korpus sebanyak 248 201. Berdasarkan jumlah kata tersebut, terdapat sebanyak 145 jenis leksis sukuan yang telah digunakan, iaitu sebanyak dengan 1395 frekuensi. Hal ini menunjukkan bahawa sebanyak 0.56% leksis sukuan telah digunakan secara bersama-sama dalam korpus bahasa Melayu. Walaupun jika dilihat secara peratusan, data ini tidak menunjukkan angka yang begitu tinggi, tetapi gelagat leksis tersebut bersifat “incah” sehingga dapat mewujudkan pola makna tertentu. Jadual 1 menunjukkan taburan perkataan dalam Korpus Novel Bahasa Sukuan (KNBS) (Effendy Yusuff *et al.* 2018).

Seterusnya, Jadual 2 menunjukkan kekerapan leksis sukuan dalam bahasa Melayu daripada KNBS. Sebanyak 145 kata yang berbeza (*type*) dengan kekerapan penggunaan sebanyak 1395 kali. Jadual 2 menunjukkan saringan KNBS kepada 10 kekerapan tertinggi. Berpandukan penelitian dalam Jadual 2 semua entri leksis sukuan yang terdapat dalam data korpus kajian ini membuat saringan awal, iaitu meneliti jumlah frekuensi setiap entri leksis sukuan melalui barisan konkordans. Pemilihan data kajian berdasarkan frekuensi yang tertinggi. Daripada data tersebut, leksis *bagaton* mempunyai frekuensi tertinggi dari segi penggunaannya, iaitu sebanyak 130 kali digunakan. Menerusi kajian ini, leksis *mariga* yang merupakan representasi frekuensi ketiga tertinggi dipilih sebagai data kajian disebabkan gelagat kehadirannya yang lincah dan menunjukkan berlakunya peluasan makna daripada makna asal. Seterusnya, peluasan makna yang berlaku itu dapat menyerlahkan lagi ketinggian akal budi masyarakat Murut.

DAPATAN KAJIAN


Penyelidikan ini hanya memfokuskan proses analisis dengan menggunakan teori semantik ranah secara berpada. Hujahan dilakukan dengan memberi bentuk ranah yang terbit daripada leksis *mariga* sahaja. Data menunjukkan bahawa, makna leksis berkembang menjadi dua, iaitu leksis *mariga* yang membawa kepada ranah amalan (tradisi) yang merujuk ranah mas kahwin, manakala ranah aset (benda) membawa kebersamaan makna leksis *mariga*.

MAKLUMAT KONSEPTUAL LEKSIS *MARIGA*

Data korpus menunjukkan sebanyak 42 leksis *mariga* yang wujud secara bersama dengan leksis bahasa Melayu untuk membentuk konkordans. Berpandukan 42 leksis *mariga* tersebut, maka penerapan analisis semantik

ranah telah diguna pakai untuk pengenalpastian maklumat konseptual. Sesuatu konsep tertentu dapat difahami apabila dapat memahami makna keseluruhan. Jaringan antara lexis yang wujud dapat mengangkat makna kesepaduan. Fillmore dan Petruck (2003) menjelaskan bahawa setiap ranah mempunyai elemen ranah yang mendukung makna ranah tersebut. Elemen ranah pula ialah entiti yang menyerlahkan lagi makna ranah tersebut. Rosch (1978) menjelaskan bahawa tidak semestinya semua ahli dalam kelompok yang sama mempunyai taraf atau tahap yang sama apabila mengkategorikan entiti semula jadi. Hal ini bermaksud bahawa terdapat ahli yang menjadi ahli teras dan ada ahli yang menjadi ahli pinggiran. Kebiasaannya, kita mempunyai idea tentang entiti yang dapat dijadikan contoh yang baik apabila melakukan pengkategorian. Dalam usaha untuk menentukan keahlian entiti yang lain, perbandingan dengan ahli lain yang Masdar akan dilakukan. Akhirnya, ahli pinggiran dikategorikan apabila entiti tidak mempunyai persamaan yang banyak.

Rusmadi (2005) pula menyatakan bahawa pengenalpastian elemen ranah yang menjadi dasar struktur konsepsi merupakan titik mula dalam pendeskripsian makna sesuatu kata. Sementara itu, maklumat konkordans, iaitu kehadiran kombinasi lexis dapat membantu pengenalpastian suatu elemen ranah dan ranah-ranah yang terlibat berserta dengan maklumat valensi, iaitu kumpulan dan pola valensi dalam ayat yang mengandungi nodus kata (Intan Safinaz *et al.* 2014). Maklumat valensi¹ merujuk kedudukan leksikal dalam segugus ayat yang membekalkan maklumat



Rajah 1 Maklumat konseptual *mariga*.

berkenaan fungsi tatabahasa. Maklumat valensi boleh terdiri daripada satu leksikal atau kombinasi beberapa leksikal yang menjalankan fungsinya dalam ayat. Oleh yang demikian, untuk memahami makna *mariga*, analisis dengan kaedah mengenal pasti unsur yang ada dalam makna konseptual leksis *mariga* tersebut perlu diteliti. Seterusnya, penjelasan setiap unsur yang membina makna konseptual dapat dilihat berpandukan lema (*mariga*), ranah (mas kahwin) dan elemen ranah yang mengkonstruksinya. Maklumat konseptual dalam leksis *mariga* ditunjukkan dalam Rajah 1.

ANALISIS LEMA *MARIGA*


Maklumat latar lema suatu leksis mengandung ciri-ciri leksikal yang diperoleh berdasarkan data korpus yang dikaji. Maklumat tersebut mampu memperjelas pengekalannya penggunaan leksis sukuan dalam KNBS menerusi analisis yang dijalankan.

Berdasarkan data korpus yang dianalisis, kajian ini mendapati bahawa lema *mariga* mempunyai makna teras², iaitu MAS KAHWIN yang memberi hak kepada keluarga perempuan untuk mengambil harta lelaki seperti yang telah ditentukan oleh adat. Makna teras tersebut diserlahkan menerusi dua ranah, iaitu ranah AMALAN dan ranah ASET.

(A) Ranah MAS KAHWIN (AMALAN (KEWAJIPAN + PROSES))

Ranah AMALAN pula terdiri daripada dua kombinasi, iaitu yang pertama kombinasi dalamnya elemen ranah KEWAJIPAN dan elemen ranah PROSES seperti contoh ayat-ayat (a) *Mariga itu seperti hutang tuan sampai mati*, (b) *Adat mariga boleh kita pakai dalam hubungan ini*, (c) *Mereka mengambil barangan itu atas nama mariga Lingad*, (d) *Walter Flint sebagai menantu harus memberi mariga sepanjang hidup bagi memenuhi adat, dan (d) Adat itu adat mariga menjadi amalan kita*.

Hubungan antara elemen ranah sehingga menyerlahkan ranah tersebut dapat ditunjukkan melalui Rajah 2. Berpandukan Rajah 2, ranah AMALAN dapat diserlahkan melalui gabungan dua elemen ranah, iaitu elemen ranah KEWAJIPAN dan elemen ranah PROSES. Ranah AMALAN bermaksud KEWAJIPAN yang merupakan tanggungjawab yang harus dilaksanakan sebagai PROSES yang merupakan kebiasaan dalam masyarakat peribumi tersebut. Dua elemen yang terdapat dalam ranah ini ialah ranah KEWAJIPAN yang dirujuk sebagai leksis *mariga*, dan elemen ranah PROSES, iaitu perkara yang dilakukan dan merupakan satu kebiasaan yang perlu dipenuhi




Rajah 2 Hubungan antara elemen ranah MAS KAHWIN (AMALAN (KEWAJIPAN + PROSES)).

untuk menyempurnakan maksud AMALAN. Elemen ranah PROSES ini direalisasikan oleh rangkaian lexis seperti *hutang tuan sampai mati, kita pakai dalam hubungan, mengambil barangan, harus memberi sepanjang hidup, dan amalan kita*. Hubungan antara lexis dalam pembentukan elemen ranah tersebut dapat digambarkan berdasarkan Rajah 3.

Berdasarkan Rajah 3, ranah MAS KAHWIN yang diserlahkan melalui ranah AMALAN dapat dilihat melalui realisasi leksikal dalam data korpus menerusi jaringan lexis seperti *hutang sampai mati, mengambil barangan atas nama mariga, dan harus memberi sepanjang hidup* bagi menggambarkan perbuatan atau tindakan kebiasaan yang dijalankan dalam kehidupan masyarakat peribumi, manakala urutan lexis seperti *pak ketua berhak mengambil mariga daripadanya, keluarga gadis itu menggunakan hak mariga mereka, dia sudah terlerai dengan adat mariga dan mereka menganggap sebagai mariga* menonjolkan maksud tanggungjawab yang perlu dipatuhi untuk dijadikan sebagai AMALAN.

Bersandarkan konteks *mariga* dalam data yang dikaji, membuktikan bahawa masyarakat peribumi merujuk *mariga* sebagai amalan yang menjadi kebiasaan apabila menjalinkan ikatan suami isteri. Hujahan semantik ranah dapat membuktikan bahawa elemen ranah AMALAN diterbitkan oleh elemen ranah KEWAJIPAN, dan elemen ranah PROSES.




Rajah 3 Pemetaan ranah MAS KAHWIN (AMALAN (KEWAJIPAN + PROSES)).

Leksis-leksis yang hadir sebagai realisasi ranah menggambarkan bahawa hubungan saling berkaitan yang begitu kompleks. Sebagai contoh, leksis *sampai mati*, *hubungan ini*, yang menunjukkan bahawa realisasi leksis *sampai mati* yang menggambarkan berlakunya pergerakan daripada suatu punca. Rangkaian leksis boleh dipakai dalam hubungan ini pula menyuguhkan makna semantik leksis *pakai* yang bermaksud guna atau pun perbuatan melakukan sesuatu. Di samping itu, rangkaian leksis seperti *mengambil barangan*, *harus memberi* dan *amalan kita* merupakan realisasi yang menyerlahkan lagi elemen ranah PROSES.

(B) Ranah MAS KAHWIN (AMALAN (AGEN + KUASA))

Seterusnya, ranah AMALAN juga mengandungi kombinasi antara elemen ranah AGEN dan elemen ranah KUASA yang dilihat saling berhubungan antara satu dengan yang lain. Keterikatan antara ranah AMALAN berdasarkan elemennya yang mengandungi elemen ranah AGEN + KUASA perlu difahami secara terperinci dengan melihatnya secara kesatuan yang saling lengkap-melengkapi. Hubungan tersebutlah sebenarnya menyerlahkan lagi makna ranah AMALAN.

Hubungan antara elemen ranah dengan elemen ranah sehingga menyerlahkan ranah tersebut dapat ditunjukkan melalui Rajah 4.




Rajah 4 Hubungan antara elemen ranah MAS KAHWIN (AMALAN (AGEN + KUASA)).

Ranah AMALAN juga terserlah menerusi kombinasi elemen ranah AGEN dan elemen ranah KUASA seperti contoh ayat. (a) *Pak ketua berhak mengambil mariga daripadanya.* (b) *Keluarga gadis itu pula menggunakan hak mariga mereka.* (c) *Dia sudah terlerai dengan adat mariga.* (d) *Mereka menganggap sebagai mariga, tuan kenalah mengerti itu adat mereka.* Ranah AMALAN bermaksud AGEN yang bertindak melaksanakan sesuatu kerana telah memiliki KUASA untuk memenuhi kebiasaan dalam masyarakat peribumi secara turun-temurun.

Berdasarkan data yang dikaji, elemen ranah AMALAN ditonjolkan menerusi elemen ranah AGEN dan elemen ranah KUASA. Menurut *Kamus Dewan* (2012), amalan bermaksud sesuatu yang dikerjakan atau dilakukan yang menjadi kebiasaan. Sehubungan itu, berdasarkan Rajah 5 didapati bahawa setiap elemen ranah direalisasikan oleh leksis dan rangkaian leksis. Hal ini dapat dilihat melalui elemen ranah AGEN yang diparafrasakan sebagai suatu yang menyebabkan berlakunya tindak balas (*Kamus Dewan*, 2012) dapat diserlahkan melalui leksis seperti *pak ketua*, *dia* dan *keluarga gadis* yang merupakan kata ganti nama untuk orang atau individu/kumpulan. Oleh itu, perwakilan individu atau kumpulan menggambarkan bahawa pelaku yang melaksanakan tindakan untuk mendapat manfaat selepasnya.

Sementara itu, elemen ranah KUASA yang bermaksud hak atau kewibawaan atas sesuatu atau untuk melakukan atau mengurus sesuatu yang ditentukan oleh peraturan (*Kamus Dewan*, 2012), terserlah menerusi leksis seperti *berhak* dan *hak*. Di samping itu, leksis *terlerai* yang merupakan



Rajah 5 Pemetaan ranah AMALAN (AGEN+ KUASA).


penyataan tentang perihal terputusnya sesuatu hubungan menunjukkan bahawa berakhirnya autoriti yang diberikan kepada seseorang individu atau institusi untuk mengambil tindakan. Berpandukan Rajah 5, didapati bahawa lexis *mariga* merupakan unsur atau penyebab kepada kehadiran lexis-lexis yang lain. Lexis *mariga* menjadi sumber kewujudan lexis *hak*, *berhak* dan *terlerai* yang digambarkan menerusi anak panah untuk merujuk pengaruh atau kewibawaan untuk mengambil atau melaksanakan sesuatu tindakan. Hubungan antara lexis untuk membentuk elemen ranah tersebut dapat digambarkan berdasarkan Rajah 5.

Berdasarkan Rajah 5, bulatan lingkaran biru dalam rajah (perwakilan elemen ranah AGEN dan elemen ranah KUASA) yang merupakan lingkaran menunjukkan bahawa elemen ranah yang direalisasikan oleh konsep unit lexis (bulatan kecil seperti lexis *pak ketua*, *keluarga gadis* dan *dia* untuk elemen ranah AGEN dan lexis *berhak*, *hak* dan *terlerai* untuk elemen ranah KUASA). Dua elemen ranah tersebut mempunyai perkaitan secara langsung antara satu dengan yang lain yang ditandai dengan anak panah untuk menerbitkan ranah AMALAN yang ditandai dengan bulatan besar berwarna merah. Anak panah terputus-putus pula menunjukkan bahawa hubungan setiap konsep unit lexis dengan konsep unit lexis yang menyerlahkan elemen ranah dikenal pasti menerusi struktur ayat yang mengkonstruksinya.

(B) Ranah AMALAN (ASET (ENTITI + MILIK))

Ranah MAS KAHWIN juga mempunyai makna pinggiran, yang merujuk nama benda berbentuk harta yang bernilai yang dimiliki oleh individu atau institusi, menerbitkan elemen ranah ASET. Elemen ranah ASET mengandungi elemen ranah ENTITI dan elemen ranah MILIK. Hubungan elemen ranah ASET berdasarkan elemennya yang mengandungi elemen ranah ENTITI + MILIK lebih mudah difahami secara menyeluruh kerana hubungan antara unit leksis yang saling melengkapi. Hal ini menunjukkan bahawa hubungan antara satu leksis dengan leksis serta kaitan antara elemen ranah dengan elemen ranah itu mengandungi ciri-ciri makna yang menyerlahkan lagi makna elemen ranah ASET tersebut. Hubungan antara elemen ranah dengan elemen ranah sehingga menyerlahkan ranah tersebut dapat ditunjukkan melalui Rajah 6.

Berpandukan data yang dikaji, elemen ranah ASET diserlahkan menerusi elemen ranah ENTITI dan elemen ranah MILIK. Menurut *Kamus Dewan* (2012), aset bermaksud harta benda yang berharga yang dimiliki oleh seseorang atau pertubuhan. Oleh yang demikian, dengan merujuk Rajah 7 didapati bahawa realisasi leksis dan rangkaian leksis telah berupaya menerbitkan elemen ranah. Hal ini dapat dilihat menerusi elemen ranah ENTITI yang merujuk sesuatu yang mempunyai kewujudan sendiri (*Kamus Dewan*, 2012) dapat diserlahkan menerusi leksis seperti *bahagian*, *barang-barang* dan *sebahagian* yang menonjolkan makna benda atau sesuatu alat yang dapat menyempurnakan barang yang lain,




Rajah 6 Hubungan antara elemen ranah MAS KAHWIN (ASET (ENTITI + MILIK)).

manakala dalam struktur ayat *kewajipan memenuhi mariga* menunjukkan bahawa sesuatu benda yang dirujuk itu mempunyai bentuk. Oleh itu, leksis *mariga* dalam konteks ayat tersebut membawa maksud benda yang perlu diadakan atau *disediakan*.

Sementara itu, elemen ranah MILIK yang bermaksud hak atau kepunyaan (*Kamus Dewan*, 2012) terhadap sesuatu benda, tempat atau pun kawasan terserlah menerusi leksis seperti *hak dia*. Di samping itu, leksis *mariga saya*, *mariga Lingad* dan *mariga anakku*, membawa maksud pemilikan terhadap sesuatu yang ditandai dengan kata ganti nama sebagai unsur menerangkan mengikut hukum nahu melalui konsep D-M. Maksudnya, unsur kata ganti nama hadir dalam frasa tersebut berfungsi sebagai pemilik kepada kata yang hadir sebelumnya. Oleh itu, kata nama yang hadir dalam frasa tersebut bermaksud pemilik. Berdasarkan Rajah 7, didapati bahawa leksis *mariga* merupakan pencetus kepada kehadiran leksis-leksis yang lain. Leksis *mariga* menjadi medan tumpuan dan berhubung secara langsung dengan leksis *hak*, *saya*, *Lingad* dan *anakku* yang digambarkan menerusi anak panah untuk merujuk hak milik terhadap sesuatu benda. Hubungan antara leksis dalam membentuk elemen ranah tersebut dapat digambarkan berdasarkan Rajah 7.

Bulatan lingkaran biru dalam rajah (perwakilan elemen ranah ENTITI dan elemen ranah MILIK) yang merupakan lingkaran menunjukkan



Rajah 7 Pemetaan Ranah AMALAN (ASET (ENTITI + MILIK)).

bahawa elemen ranah yang direalisasikan oleh konsep unit-unit leksis (bulatan kecil seperti leksis *bahagian, barang-barang, sebahagian, ditagih* dan *kewajipan memenuhi mariga* untuk elemen ranah ENTITI dan leksis *mariga Lingad, mariga anakku, mariga saya* dan *hak dia* untuk elemen ranah MILIK). Setiap elemen ranah tersebut pula dihubungkan menerusi peranti semantik antara satu dengan yang lain yang ditandai dengan anak panah untuk menerbitkan ranah ASET yang ditandai dengan satu bulatan besar berwarna merah. Hubungan antara konsep unit leksis dengan konsep unit leksis yang lain dalam struktur ayat dilambangkan melalui simbol anak panah terputus-putus menyerlahkan lagi elemen ranah tersebut.

KESIMPULAN

Makna asal leksis bahasa sukuan *mariga* bererti berian atau mas kahwin sampai mati. Berasaskan data korpus yang diselidiki, makna *mariga* bukan hanya sekadar merujuk berian sampai mati tetapi melangkau daripada makna asalnya. Konsep *mariga* yang dipraktikkan dalam masyarakat Murut merujuk amalan tradisi yang harus dipenuhi oleh pihak lelaki. Ketidakakuran atas perjanjian yang telah dimeterai dianggap melanggar norma dan pegangan masyarakat Murut. Di samping itu, *mariga* juga dirujuk sebagai nilai sesuatu aset yang amat berharga yang dikhaskan untuk keluarga perempuan. *Mariga* merupakan satu kewajipan dan menjadi tanggungjawab keluarga lelaki. Sehubungan itu, dapatan dalam bentuk linguistik ini membuktikan masyarakat Murut telah mengkonsepsikan makna *mariga* itu sebagai suatu lambang penghormatan dalam jalinan hubungan antara mereka. Pemberian *mariga* bukan semata-mata memenuhi tuntutan dalam adat, malah lebih daripada itu, *mariga* ialah simbol penghormatan, khususnya apabila diterima sebagai ahli keluarga baharu.

Berpandukan penyelidikan yang telah dijalankan, kehadiran leksis bahasa sukuan seperti *mariga* dalam data korpus bukan secara wewenang tetapi didorong oleh motivasi linguistik yang dapat dibuktikan. Kehadiran semua leksis tersebut sebenarnya dikawal oleh satu sistem semantik ranah, iaitu diikat oleh konsep genus dan spesies. Menerusi pendekatan semantik ranah, konsep genus dan spesies direalisasi melalui pengekalan leksis bahasa sukuan yang wujud bersama-sama korpus bahasa Melayu dapat dibuktikan. Kehadiran leksis bahasa sukuan *mariga* didorong oleh latar yang mendasari idea dan pemikiran penutur. Latar sosiobudaya lokal masyarakat setempat menjadikan pemanipulasian leksis bahasa sukuan

lebih relevan dan tepat. Tambahan lagi, pemaparan konsep yang hendak diketengahkan hanya wujud dalam budaya lokal tempatan sehingga menjadi kejanggalan atau salah tafsir apabila mengguna pakai istilah bahasa Melayu.

NOTA

- 1 Maklumat valensi dalam analisis semantik ranah membantu menunjukkan struktur perspektif valensi leksikal, valensi makna dan valensi sintaksis. Valensi melibatkan hubungan antara leksikal dan memiliki fungsi tertentu dalam aspek morfologi seperti agen, penderita, benekatif dan sebagainya (Zuniga, F. & Kittila, S., 2019).
- 2 Makna teras bermaksud makna sepunya yang diangkat sebagai makna dasar yang dominan manakala makna pinggirannya pula merujuk makna sampingan yang muncul selain makna teras apabila dianalisis dalam seperangkat ayat.

RUJUKAN

- Amil Jaya. (1979). *Bagaton*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Amil Jaya. (2012). *Mariga*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar. (1994). *Bahasa dan pemikiran alam Melayu*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Atkins, B.T.S & Rundell, M. (2008). *The Oxford guide to practical lexicography*. Oxford University Press.
- Azmah Nordin. (1988). *Dukanya abadi*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Azmah Nordin. (1990). *Kukui*. Dewan Bahasa dan Pustaka .
- Azmah Nordin. (1992a). *Dari dalam cermin*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Azmah Nordin. (1992b). *Debur menerpa*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Bahren Umar Siregar. (2010). *Emosi dan kebudayaan dalam metafora*. Diakses daripada <http://sastra.um.ac.id> pada 1 Mac 2014.
- Effendy Yusuff, Anida Sarudin & Norliza Jamaluddin. (2018). Leksis bagaton dalam korpus bahasa Melayu sebagai simbol keintelektualan masyarakat peribumi Sabah. *Jurnal Melayu*, 17 (1), 1-15.
- Fillmore, C.J. (1982). "Frame Semantics" dlm The linguistic society of Korea (ed.) *Linguistic in the morning calm*. Hanshin Publishing Co.
- Fillmore, C.J., & Baker, C. (2001). *Frame Semantics for Text Understanding*. Berkeley. International Computer Sciences Institute.
- Fillmore, C.J., & Petruck, M.R.L., (2003). "Background to FrameNet" dlm *International Journal of Lexicography*. 16:3. 235-50.
- Fillmore, C.J., & Baker, C. (2010). A frames approach to semantic analysis. Dlm Heine, Bernd & Narrog, Heiko (pnyt). *The Oxford handbook of linguistic analysis*. Hlm 313-319. Oxford University Press.

- Junaini Kasdan, & Nor Hashimah Jalaluddin. 2015. *Unsur asam dan akal budi Melayu: Analisis semantik inkuisitif*. In Seminar Meja Bulat: Simpulan Bahasa dan Kognitif Penutur (pp. 1-20). Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA), Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Junaini Kasdan dan Nor Hashimah Jalaluddin. 2018. *'Ikan di laut asam di darat, di dalam kualiti bertemu jua': Analisis Semantik Inkuisitif dalam Kiasan, Kognitif dan Akal Budi Melayu*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Junaini Kasdan, Nor Hashimah Jalaluddin, & Wan Norashikin Wan Ismail. (2016). Ikan (*Pisces*) dalam peribahasa Melayu: Analisis semantik inkuisitif. *International Journal of the Malay World and Civilisation (Iman)*, 4(1), 31-41.
- Junaini Kasdan. (2020). Penciptaan Istilah dan Akal Budi Melayu. *International Journal of the Malay World and Civilisation* 8(1), 3 - 16
- Hajar Abd. Rahim. (2005). Bahasa dan Identiti: Satu kajian tentang pengaruh leksis tempatan dalam evolusi bahasa Inggeris standard di Malaysia. *Kertas Kerja Seminar Kebangsaan Kacukan Bahasa dan Bahasa Kacukan: Proses Penduduk dan Daya Hidup*. USM, Pulau Pinang. 17 September.
- Hamidah Abdul Wahab, Imran Ho Abdullah, Mohammed Azlan Mis & Khazriyati Salehuddin. (2016). Analisis eufemisme kematian masyarakat Melayu Sarawak dari perspektif semantik kognitif. *GEMA Online® Journal of Language Studies*, 16(2), 53-71.
- Hamidah Abdul Wahab, Khazriyati Salehuddin, Mohammed Azlan Mis, Imran Ho Abdullah. (2020). Eufemisme perceraian dalam masyarakat Melayu Sarawak: Analisis semantik kognitif. *GEMA Online® Journal of Language Studies*, 20(4), November.
- Imran Ho Abdullah. (2000). Perluasan semantik kata sifat rasa: "manis", "pahit", "masin" dan "tawar". *Jurnal Bahasa*, 5(3), 563-572
- Imran Ho Abdullah. (2011). Analisis semantik kognitif peribahasa Melayu bersumberkan anjing. *GEMA Online Journal of Language Studies*, 11(1) May, 125-141.
- Imran Ho Abdullah & Ruzy Suliza. (2009). A cognitive semantic analysis of alam nature in Malay: *European Journal of Social Sciences*, 8(1), 140-151.
- Intan Safinaz Zainuddin, Nor Hashimah Jalaluddin & Imran Ho-Abdullah. 2012. Entri, Makna dan Padanan dalam Kamus Dwibahasa Melayu-Inggeris: Satu Analisis Semantik Ranahan. *Jurnal Bahasa*, 12(1), Jun, 41-59.
- Intan Safinaz Zainuddin, Nor Hashimah Jalaluddin & Imran Ho-Abdullah. (2014). Meaning in Malay-English Dictionaries: An application of Frame Semantics and the Framenet. *Kajian Malaysia*, 32, Supp., 131-149.
- Intan Safinaz Zainuddin & Nor Zakiah Abdul Hamid. (2008). Tinjauan unsur budaya dalam *Kamus Dwibahasa Melayu-Inggeris*. Dlm. Nor Hashimah Jalaluddin et. al. (Eds), *Leksikologi dan leksikografi Melayu*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Janathan Kandok. (2012). Murut. Dlm Kntayya Mariappan & Paul Porodong (Eds.). *Murut dan pelbagai etnik kecil lain di Sabah*. Hlm 23-107. Institut Terjemahan & Buku Malaysia.

- Julita @ Norjieta Taisin. (2014). *Sundawil: Analisis dari aspek makna*. (Tesis Doktor Falsafah tidak diterbitkan). Universiti Mlaysia Sabah.
- Kamus Dewan*. (2012). Edisi Keempat. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Khazriyati Salehuddin. (2000a). Mekanisme kognitif dalam simpulan bahasa kuasa/kawalan. *Dewan Bahasa*, 44 (12), 1222-1238
- Khazriyati Salehuddin. (2000b.). Control metaphors in animal farm - an insight from the prespective of the hietatchical image schema. Dlm Rusli Talif & Muhammad A. Quayum (Eds.) *Diverse voices 2: Selected reading in literature*. Universiti Putera Malaysia.
- Khazriyati Salehuddin. (2003). *Grasping the cognitive mechanisms in control metaphor*. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Khazriyati Salehuddin. 2009. Metafora Melayu dalam Mendidik Anak: Analisis Semantik Kognitif. Dlm Nor Hashimah *et al.* (Eds.). *Lingusitik teori dan aplikasi*: 136-151. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- McEney, T. dan Wilson, A. (2001). *Corpus Linguistics: An Introduction*. 2nd Edition. Edinburgh University Press.
- Muhammad Zaid Daud. (2018). Domain “rezeki” dalam peribahasa melayu berorientasikan aves melalui perspektif Semantik Inkuisitif. *MALTESAS Multi-Disciplinary Research Journal (MIRJO)*, 3(1), 19-28
- Muhammad Zaid Daud, & Mary Fatimah Subet. (2018). Ayam (gallus gallus domesticus) dalam peribahasa Melayu: Analisis Semantik Inkuisitif. *Jurnal Kemanusiaan*, 16(1).
- Muhammad Zaid Daud & Mary Fatimah Subet. (2019). Slanga dan simbol tumbuhan dalam komunikasi lisan masyarakat Melayu: Pendekatan Semantik Inkuisitif. *Jurnal Pengajian Melayu*, 30, 108-136
- Nor Hashimah Jalaluddin. (2014). *Semantik dan akal budi Melayu*. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Nor Hashimah Jalaluddin & Hawiyah. (2007). Masalah polisemi dalam perkamusan: Satu penyelesaian semantik kognitif. Dlm Nor Hashimah Jalaluddin *et. al.* (Eds), *Lingusitik Teori & Aplikasi*. Hlm. 186-207. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Nor Hashimah Jalaluddin dan Rozaimah. (2008). “Rasuah” dalam karya sastra Melayu klasik: Satu analisis semantik kognitif. *Jurnal e-Bangi*. 3(3), 1-32.
- Norsimah Mat Awal. 2000. “Penuh”, “kecil”, dan “besar”: Analisis perluasan makna dari sudut teori protatip. *Kertas Kerja. Seminar Antarabangsa Bahasa Melayu Alaf 2000*. Shah Alam, 25-27 September.
- Norsimah Mat Awal. (2002). Dari buah yang lunak ke angin yang kunak: Analisis perluasan makna kata adjektif indera. *Kertas Kerja. Persidangan Lingusitik ASEAN*. Universiti Brunei Darussalam, Brunei, 28-30 Oktober.
- Norsimah Mat Awal. (2009). Perluasan makna kata “aman”: dan “manis” berdasarkan data korpus. Dlm Nor Hashimah Jalaluddin *et. al.* (Eds.), *Lingusitik Teori & Aplikasi*. Hlm 114-135. Universiti Kebangsaan Malaysia.

- Nur Afifah Wan Mansor & Nor Hashimah Jalaluddin. (2015). Deria rasa dalam kiasan Melayu: Analisis semantik inkuisitif. *Journal Pertanika Mahawangsa*, 2(1), 1-16.
- Rosch. E. 1978. Principles of categorization. In E. Rosch, & B.B. Lyord (Eds). *Cognition & categorization*. 27-48. Hillsdale Nj: Erlbaum.
- Rusell Dundang anak Jeffrey & Mary Fatimah Subet. (2018). Unsur alam dalam peribahasa Iban (Jaku' Sempama): Satu analisis Semantik Inkuisitif. *Trends in Undergraduate Research*, 1(1), f10-15
- Rusmadi Baharuddin. (2005). Pemerian polisemi “datang”: Satu analisis linguistik kognitif. *Jurnal Bahasa* 5(4), 23-39.
- Rusmadi Baharuddin. (2008). Menangani sinonim dalam kamus: Satu pendekatan Semantik Ranahan. Dlm Nor Hashimah Jalaluddin & Rusmadi Baharuddin (Eds.). *Leksikologi dan leksikografi Melayu*. Hlm 372-387. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Rusmadi Baharuddin, Nor Hashimah Jalauddin & Imran Ho Abdullah. (2013). Sumbangan *Framnet* kepada leksikografi korpus: Kajian kes penyelidikan makna kata kerja “melihat”. *GEMA Online Journal of Language Studies* Vol 13(1) Feb., 61-81
- Saidatul Nornis. 2006. *Isun-isun sebagai Penggambaran Interaksi Sosial dalam Budaya Bajau*. (Tesis Doktor Falsafah tidak diterbitkan). Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Saidatul Nornis. 2007. *Unsur bahasa dalam budaya*. Penerbit Universiti Malaysia Sabah.
- Saidatul Nornis dan Mohd Rasdi. 2013. Haiwan sebagai perlambangan dalam peribahasa orang Semai. *GEMA Online Journal of Language Studies*, 13(1) Feb: 83-98.
- Salinah Jaafar. (2005). Fungsi leksikal “bunga” dalam simpulan bahasa dan peribahasa bahasa Melayu. *Jurnal Bahasa* 5(4), *Disember*, 40-46
- Stubbs, M. (1996). *Text and corpus analysis*. Blackwell Publishers.
- Tangaprabu Murthy, & Mary Fatimah Subet. (2018). Imej rumput dalam peribahasa Tamil: Suatu kajian Semantik Inkuisitif. *Issues in Language Studies*, 7(1).
- Ungerer & Schmid, H-J. (2006). *An introduction to cognitive linguistics*. Edisi Ke-2. Pearson Education Limited.
- Woolley. G., C., (2004). *The Timogun Muruts of Sabah*. Natural History Publications.
- Zaitul Azma dan Ahmad Fuad. (2011). Bahasa dan pemikiran dalam peribahasa Melayu. *GEMA Online Journal of Language Studies*, 11(3) Sept., 31-51.
- Zuniga, F., & Kittila, S. (2019). Changing semantic valency: Causatives, applicatives, and related constructions. In *Grammatical Voive. Cambridge Textbooks in Linguistics*, pp. 12-81. Cambridge University Press.